# KENYATAAN MEDIA
# YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
# DAN
# MENTERI KEWANGAN II
# NEGERI SABAH

## A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 397 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 21,189 kes. Hari ini enam (6) kes kematian dicatatkan iaitu dua (2) di Daerah Sandakan, dua (2) di Semporna dan masing-masing satu (1) di Kota Kinabalu dan Telupid. Takziah kepada semua ahli keluarga yang terlibat.

2 Pada hari ini, seramai 356 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala, seramai 2,903 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 744 orang di hospital dan 2,159 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 67 orang dan 20 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



| DAERAH | POSITIF | KEMATIAN |
|---|---|---|
| KOTA KINABALU | 92 | 1 |
| TAWAU | 78 | 0 |
| LAHAD DATU | 42 | 0 |
| SANDAKAN | 32 | 2 |
| TUARAN | 31 | 0 |
| KUDAT | 28 | 0 |
| KENINGAU | 26 | 0 |
| PENAMPANG | 21 | 0 |
| PUTATAN | 10 | 0 |
| PAPAR | 10 | 0 |
| KUALA PENYU | 10 | 0 |
| RANAU | 8 | 0 |
| KOTA BELUD | 6 | 0 |
| SIPITANG | 2 | 0 |
| BELURAN | 1 | 0 |
| TELUPID | 0 | 1 |
| KOTA MARUDU | 0 | 0 |
| PITAS | 0 | 0 |
| SEMPORNA | 0 | 2 |
| KINABATANGAN | 0 | 0 |
| TAMBUNAN | 0 | 0 |
| KUNAK | 0 | 0 |
| TONGOD | 0 | 0 |
| BEAUFORT | 0 | 0 |
| TENOM | 0 | 0 |
| NABAWAN | 0 | 0 |
| JUMLAH | 397 KES | 6 KES |



Daerah Kota Marudu berubah dari zon merah ke zon jingga, Daerah Ranau bertukar dari zon kuning ke zon jingga. Manakala, Daerah Kinabatangan dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pada hari ini, terdapat tiga (3) kluster baharu direkodkan iaitu:

(i) Kluster GK Tawau di Daerah Tawau sebanyak 49 kes;
(ii) Kluster Liawan di Daerah Keningau sebanyak 24 kes; dan
(iii) Kluster Tatahan di Daerah Kota Kinabalu sebanyak 18 kes.

5 Daripada 397 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 150 kes (37.78%) adalah dari Daerah Tawau, Kota Kinabalu, Lahad Datu dan Sandakan yang berpunca dari saringan kontak rapat. Selebihnya iaitu 247 kes adalah dari lain-lain kategori.

6 Daerah Semporna dan Kunak tiada mencatatkan kes pada hari ini disebabkan keputusan sampel bagi kedua-dua daerah tersebut belum diperolehi dan akan diketahui dalam tempoh 72 jam (3 hari).

7 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,010 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 7,983 katil menjadikan jumlah keseluruhan 8,993 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 32.28%.

## B. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TAMAN MAWAR, SANDAKAN

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan PKPD di Taman Mawar, Sandakan bermula 28 Oktober 2020 sehingga 10 November 2020.

2 Sehingga kini, berdasarkan penilaian risiko dan saringan yang telah dilaksanakan oleh KKM mendapati kes positif COVID-19 di kawasan ini telah menurun dan terkawal.

3 Sehubungan itu, atas nasihat KKM, Sidang Khas MKN hari ini bersetuju agar pelaksanaan PKPD di Taman Mawar, Sandakan ditamatkan pada 10 November 2020 seperti yang dijadualkan.

4 Walau bagaimanapun, lokaliti ini masih tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seluruh Negeri Sabah yang sedang berkuatkuasa.

## C. PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TAMAN MESRA SANDAKAN

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan PKPD di Taman Mesra, Sandakan bermula 28 Oktober 2020 sehingga 10 November 2020.

2 Atas nasihat KKM, Sidang Khas MKN hari ini bersetuju untuk melanjutkan lagi PKPD di Taman Mesra, Sandakan selama 14 hari bermula 11 November 2020 sehingga 24 November 2020.

## D. PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

1 Bagi SOP PKPB Negeri Sabah yang dilanjutkan sehingga 6 Disember 2020, beberapa kelonggaran syarat dan peraturan telah dibenarkan. Oleh itu, rakyat diingatkan untuk sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan untuk mengekang penularan jangkitan virus COVID-19. Disertakan SOP seperti di lampiran A.

## E. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **153,029** bakul makanan telah diagihkan.

## F. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

1 Sebanyak 66 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 56,331 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 285 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 26 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 80 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 96.8%.

2 Tiga Daerah mencatatkan kadar pematuhan yang tinggi ialah Sipitang (99.5%), Kota Kinabalu (98.63%) dan Beaufort (98.5%).

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 36 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 26 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.

4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di enam (6) premis di tiga (3) buah daerah iaitu Sandakan, Tawau dan Kota Marudu.

*5* Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 60 lokasi di 10 buah daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Mandarin, Bahasa Kadazan dan Bahasa Bajau.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe**
**#workfromhome**
**#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
10 November 2020

**LAMPIRAN A**

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 10 November 2020

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

### Aktiviti dibenarkan
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

### Aktiviti tidak dibenarkan
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali urusan/aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap
- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan Yang Terlibat | • Seluruh Negeri Sabah kecuali di lokaliti-lokaliti yang masih dikenakan PKPD. SOP PKPD di lokaliti-lokaliti berkenaan masih berkuatkuasa sehingga tarikh tamat PKPD berkenaan.<br>• Kota Kinabalu, Penampang dan Putatan adalah dikira sebagai satu daerah. |
| Tempoh Berkuatkuasa | **10 November 2020 (mulai 12.01 pagi) sehingga 6 Disember 2020 (11.59 malam)** |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, ESSCOM, APMM, APM & RELA.<br>• Kemasukan ke Sabah adalah tidak dibenarkan KECUALI bagi warganegara yang berasal dari Sabah, Pemegang Pas-Pas yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Negeri Sabah yang berada di Semenanjung, Sarawak, WP Labuan, dan pasangan yang menjalankan perkhidmatan perlu (*essential services*). Selain kategori ini, mereka diwajibkan mendapatkan kebenaran khas daripada Kerajaan Negeri Sabah.<br>• Semua individu yang akan masuk ke Sabah melalui pintu masuk udara, laut dan darat hendaklah menunjukkan keputusan negatif ujian saringan COVID-19 tiga (3) hari sebelum masuk ke Sabah.<br>• Semua pergerakan keluar dari Sabah tidak dibenarkan kecuali bagi urusan kecemasan dan *essential services* serta perlu mendapat kebenaran PDRM terlebih dahulu. |

1

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 10 November 2020

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

### Aktiviti dibenarkan
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

### Aktiviti tidak dibenarkan
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali urusan/aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap
- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | • **HANYA DUA (2) orang sahaja yang DIBENARKAN keluar (termasuk dalam/atas kenderaan) sebagai wakil dari setiap rumah** bagi tujuan membeli/mendapatkan bekalan makanan/keperluan asas dan lain-lain keperluan. Individu yang berisiko tinggi dan kanak-kanak tidak digalakkan keluar ke kawasan awam, terbuka dan sesak.<br>• Kenderaan yang membawa barangan dan perkhidmatan perlu serta rantaian aktiviti ekonomi/industri **DIBENARKAN merentas daerah dengan surat pengesahan majikan**. Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan ini bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan.<br>• Pergerakan kenderaan jabatan Kerajaan atau syarikat swasta **bagi tujuan pergi dan balik dari tempat kerja** atau menjalankan urusan rasmi dengan pematuhan penjarakan fizikal di dalam kenderaan tersebut dan pemakaian pelitup muka.<br>• Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan **DIBENARKAN** beroperasi dengan pematuhan SOP sedia ada.<br>• Pergerakan keluar masuk/ merentas daerah **adalah tidak dibenarkan.** Bagaimanapun bagi pekerja sektor perkhidmatan perlu (*essential services*) yang perlu merentas daerah, mereka hendaklah **menunjukkan pas kerja** atau **surat kebenaran daripada majikan.** |

2

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 10 November 2020

### Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali urusan/aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan** | • Perkhidmatan bas ekspres melibatkan rentas daerah adalah tidak dibenarkan.<br>• Perkhidmatan bas henti-henti **DIBENARKAN** beroperasi dalam daerah dengan kapasiti 50% dan pematuhan penjarakan fizikal di dalam kenderaan tersebut dan pemakaian pelitup muka.<br>• Perkhidmatan teksi/ *e-hailing* **(maksimum hanya dua (2) orang penumpang)** pematuhan penjarakan fizikal di dalam kenderaan tersebut dan pemakaian pelitup muka, serta penghantaran makanan **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sepanjang tempoh PKPB.<br>• Kes-kes kecemasan dan kemalangan yang memerlukan rawatan di hospital / klinik berdekatan dibenarkan bergerak mengikut kapasiti kenderaan **TANPA** perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Kes temujanji perubatan **DIBENARKAN** dengan menunjukkan surat atau kad temujanji.<br>• Bagi kes pengurusan jenazah di luar daerah adalah **DIBENARKAN** dengan perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. Jumlah penumpang dalam kenderaan adalah bergantung kepada situasi kecemasan. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 10 November 2020

### Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali urusan/aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan di Laut** | • Pergerakan keluar bot-bot kecil dari pulau-pulau di negeri Sabah ke tanah besar termasuk pergerakan bot-bot di kawasan pesisiran pantai bagi tujuan membeli makanan dan keperluan asas hanya **dibenarkan** mulai jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang sahaja.<br>• Bagi bot - bot nelayan di perairan ESSZONE yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan hanya dibenarkan dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang (hanya di jeti-jeti yang dibenarkan sahaja). Kebenaran ini tertakluk kepada permit yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Daerah berkenaan.<br>• Pergerakan kapal-kapal berikut juga adalah tidak dibenarkan bagi:<br>a. semua kapal *Non Conventional Ships* (NCS) Indonesia dan Filipina yang memasuki perairan ESSZONE, Sabah, Malaysia. Semua Kapal NCS Malaysia dari perairan ESSZONE ke Filipina dan Indonesia;<br>b. Kapal pengangkut ikan Indonesia ke Tawau;<br>c. Kapal pengangkut ikan hidup Hong Kong ke Sabah; dan<br>d. Kapal NCS dari Filipina yang melalui perairan Sabah untuk ke W.P Labuan. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 10 November 2020

### Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali urusan/aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKPB** | • Aktiviti sektor ekonomi dan industri di kawasan PKPB berjalan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.<br>• Pasar Raya, Pusat Beli belah dan *Retail Store* **DIBENARKAN** beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan antara 6.00 pagi hingga 10.00 malam.<br>• Restoran, kedai / gerai makan, kenderaan bersaji (*food truck*), penjaja, medan selera, kedai runcit dan kedai serbaneka **DIBENARKAN** beroperasi antara 6.00 pagi hingga 10.00 malam.<br>• ***Dine in* dibenarkan** di restoran termasuk restoran dalam premis hotel, kedai/ gerai makan, *coffee shop* dan medan selera dengan separuh daripada kapasiti saiz meja iaitu dua (2) orang bagi meja empat (4) orang, tiga (3) orang bagi meja enam (6) orang, empat (4) orang bagi meja lapan (8) orang dan seterusnya dengan penjarakan fizikal 1 meter dan pematuhan SOP Sektor Makanan.<br>• Pembelian makanan secara bawa pulang *(take away)*, penghantaran *(delivery)* atau pandu lalu juga dibenarkan dengan pematuhan kepada **SOP Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis, Penjaja Tanpa Premis, Pasar Berbangunan dan Peruncitan/Serbaneka Makanan & Minuman).** |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 10 November 2020

### Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali urusan/aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKPB** | • Operasi pasar harian adalah antara 6.00 pagi hingga 2.00 petang sahaja dengan pematuhan SOP dan pengawasan pihak berkuasa.<br>• Operasi pasar borong adalah antara 12.00 pagi hingga 2.00 petang sahaja dengan pematuhan SOP dan pengawasan pihak berkuasa.<br>• Operasi pasar malam, pasar tamu dan pasar tani **hanya boleh dibenarkan** tertakluk kepada pihak berkuasa tempatan dan kelulusan pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19)**.**<br>• Waktu operasi pengepaman di stesen minyak adalah antara 6.00 pagi hingga 10.00 malam.<br>• Operasi dobi **DIBENARKAN** bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam.<br>• Operasi lain-lain perniagaan yang **DIBENARKAN** bermula dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 10 November 2020

### Aktiviti dibenarkan
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

### Aktiviti tidak dibenarkan
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali urusan/aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap
- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

**Waktu Berkuat kuasa**: 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan**: Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | **Pergerakan Penduduk**: Dibenarkan dengan bersyarat

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Perkhidmatan Perubatan/Kesihatan** | • Waktu operasi klinik dan hospital Kerajaan dan swasta **DIBENARKAN** beroperasi secara 24 jam atau mengikut waktu yang ditetapkan oleh Kerajaan.<br>• Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai 6.00 pagi hingga 10.00 malam. |
| **Tatacara Utama Premis** | • Pelanggan dan pemilik premis wajib menggunakan aplikasi MySejahtera atau menulis secara manual nama dan no. telefon serta mengimbas suhu badan. Suhu badan 37.5 darjah Celcius dan ke atas serta tidak memakai pelitup muka adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki premis.<br>• Pemilik premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal 1 meter.<br>• Pemilik premis perlu menyediakan *hand sanitizer* atau tempat mencuci tangan.<br>• Pemilik premis menghadkan bilangan pelanggan berada di premis dalam sesuatu masa dan memaparkan jumlah maksimum pelanggan yang berada dalam premis. |
| **Aktiviti Pekerjaan** | • Pergerakan keluar/masuk merentas daerah **TIDAK DIBENARKAN**. Hanya pekerja perkhidmatan perlu (*essential services*) yang mempunyai pas pekerja yang sah **ATAU** surat kebenaran daripada majikan pemohon **DIBENARKAN** untuk tujuan bekerja dan menjalankan tugas.<br>• Majikan hendaklah mematuhi perintah ini dan menetapkan pekerja untuk bekerja dari rumah *(work from home)* **KECUALI** pekerja dalam kategori yang ditetapkan oleh Pekeliling/Arahan JPA bagi penjawat awam dan *Business Continuity Plan* (BCP) (terlibat secara langsung dengan pengoperasian syarikat) bagi kakitangan sektor swasta.<br>• Bagi kenderaan yang membawa pekerja termasuk kenderaan persendirian adalah **DIBENARKAN** beroperasi dengan pematuhan SOP. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 10 November 2020

### Aktiviti dibenarkan
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

### Aktiviti tidak dibenarkan
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali urusan/aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap
- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

**Waktu Berkuat kuasa**: 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan**: Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | **Pergerakan Penduduk**: Dibenarkan dengan bersyarat

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Sukan dan Rekreasi** | • Aktiviti sukan dan rekreasi yang **tidak bersentuhan fizikal** (*indoor* dan *outdoor*) dan dijalankan secara individu tidak melebihi 10 orang seperti berjalan, *jogging*, berbasikal, senam robik kendiri, *hiking*, memancing, golf dan lain-lain di dalam daerah sahaja adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi.<br>• Kebenaran beroperasi dan menggunakan fasiliti sukan oleh orang awam adalah **TERHAD** bagi **aktiviti latihan** yang tidak melibatkan sentuhan fizikal dan maksimum 10 orang sahaja. Setiap pengusaha dan operator sukan perlu menjadualkan pelaksanaan latihan sekiranya terdapat ramai peserta dengan menghadkan jumlah tidak melebihi 10 orang pada satu-satu masa.<br>• Program latihan berpusat yang sedia ada dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negeri Sabah boleh diteruskan secara *"Quarantine Based Approach"* dengan mematuhi SOP yang disediakan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan Sabah. |

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 10 November 2020

## Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali urusan/aktiviti dibenarkan

## Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Sektor Perikanan, Perladangan dan Pertanian** | • Sektor perladangan, pertanian, penternakan dan semua yang berkaitan dengan rantaian makanan adalah **DIBENARKAN** beroperasi.<br>• Sektor perikanan **DIBENARKAN** beroperasi namun tertakluk kepada arahan Kawalan Pergerakan di Laut dan mana-mana arahan lain yang sedang berkuatkuasa. |
| **Aktiviti Keagamaan** | • Aktiviti di masjid dan surau **DIBENARKAN** tertakluk kepada ketetapan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah.<br>• Aktiviti di rumah ibadat bukan Islam **DIBENARKAN** dengan had kehadiran ditetapkan oleh MKN/KKM/Kerajaan Negeri Sabah.<br>• Upacara pernikahan (akad nikah) Islam **DIBENARKAN** dengan kehadiran had maksima 20 orang sahaja berdasarkan keluasan ruang dan penjarakan fizikal di pejabat Agama atau tertakluk kepada jumlah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah.<br>• Upacara perkahwinan bukan Islam **DIBENARKAN** dengan kehadiran had maksima 20 orang berdasarkan keluasan ruang dan penjarakan fizikal di Jabatan Pendaftaran Negara / Rumah Ibadat / Persatuan Agama Bukan Islam. |




# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 10 November 2020

## Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali urusan/aktiviti dibenarkan

## Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**


| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Industri Kreatif** | • Aktiviti rakaman bagi muzik, konsert, penggambaran filem, bual bicara dan seumpamanya **DIBENARKAN** sama ada rakaman dalaman (studio) atau luar premis **TERHAD** di dalam kawasan **daerah yang sama sahaja** dengan jumlah kru yang minima dan **TANPA PENONTON** serta mematuhi SOP Industri Kreatif.<br>• Aktiviti acara langsung dibenarkan tanpa penonton dengan jumlah kru dan petugas yang ditetapkan oleh **Kementerian Komunikasi dan Multi Media (KKMM).**<br>• Aktiviti busking di dalam lokasi tertutup (dalam bangunan) **DIBENARKAN** dengan kawalan masa persembahan dan jumlah penonton yang ditetapkan oleh **KKMM** dan Pihak Berkuasa Tempatan. |
| **Lain-Lain Aktiviti Yang Dibenarkan** | Lain-lain aktiviti yang tidak termasuk dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*) adalah dibenarkan berdasarkan SOP sedia ada yang telah ditetapkan. |
| **Permohonan Pengecualian** | Sebarang permohonan pengecualian hendaklah melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19) dan dirujuk kepada Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (COVID-19). |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 10 November 2020

### Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali urusan/aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Senarai Aktiviti Yang TIDAK DIBENARKAN (*Negative List*)** | |
| **Aktiviti Hiburan** | • Aktiviti di kelab malam atau pub, taman tema, *indoor playground* dan panggung wayang.<br>• Aktiviti konsert atau acara langsung dengan kehadiran penonton. |
| **Seminar / Bengkel / Persidangan/ Pameran** | • Semua Seminar/Bengkel/Kursus/Latihan/Persidangan/Ceramah/Pameran dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE).<br><br>**PENGECUALIAN:** Latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan **BOLEH DILAKSANAKAN** hanya dalam kawasan institusi latihan sahaja. |
| **Mesyuarat** | • Mesyuarat bersemuka agensi Kerajaan dan swasta melibatkan kehadiran wakil agensi luar dan dilaksanakan secara sidang video.<br><br>**PENGECUALIAN:** Mesyuarat dalaman **DIBENARKAN** mengikut SOP sedia ada/ Pekeliling/Arahan JPA dan garis panduan MITI. |
| **Penganjuran Majlis Keramaian** | • Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan dan Swasta, Majlis Sosial seperti kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, *reunion, retreat,* majlis perpisahan dan lain-lain majlis sosial. |



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 10 November 2020

Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri kecuali urusan/aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa: 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan: Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk: Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Senarai Aktiviti Yang TIDAK DIBENARKAN (*Negative List*)** | |
| **Pendidikan** | • Institut Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, pusat tahfiz, sekolah, tadika, taska dan pusat jagaan kanak-kanak ditutup dalam tempoh PKPB kecuali taska dan pusat jagaan kanak-kanak bagi penjagaan anak-anak *frontliners* dan ibubapa/penjaga yang bekerja dengan kebenaran beroperasi oleh Kementerian berkaitan.<br>**PENGECUALIAN:** Pelajar sekolah, IPTA, IPTS yang mengambil ujian atau peperiksaan dengan institusi luar negara adalah **DIBENARKAN** untuk hadir menduduki peperiksaan sahaja dan bukan untuk sesi pembelajaran. |
| **Aktiviti Sukan, Rekreasi dan Riadah** | • Aktiviti berkelah, aktiviti kolam renang, aktiviti bersentuhan fizikal/sukan tempur, aktiviti perlawanan bagi sukan berpasukan dan aktiviti penganjuran kejohanan/pertandingan.<br>• Aktiviti sukan, rekreasi dan riadah yang melibatkan penglibatan yang ramai dan sukar dikawal penjarakan fizikal.<br>• Acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton, dan acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negara. |
| **Aktiviti Pelancongan** | • Aktiviti pelancongan adalah **TIDAK DIBENARKAN.** |
| **Lain-lain Yang Tidak Dibenarkan** | • Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.<br>• Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. |